

**BAB 4 PERJALANAN URUSAN**

**BAHAGIAN A SYARAT AM**

**4.01 Standard urusan**

Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar mesti, dalam menjalankan urusan Peserta Penjelasan:

- (a) mematuhi prinsip adil dan saksama serta bertindak dengan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang sewajarnya dan dengan memberikan perhatian kepada integriti pasaran; dan
- (b) bertindak dengan cara yang selaras dengan penggalakan dan perlindungan nama baik dan imej awam Pusat Penjelasan dan Peserta Penjelasannya.

[Rujuk Arahan 4-001]

**4.02 Struktur, kawalan dalaman, dasar dan prosedur**

- (1) Peserta Penjelasan mesti mempunyai struktur, kawalan dalaman serta dasar dan prosedur bertulis yang bertujuan untuk:

- (a) memudahkan penyeliaan aktiviti perniagaan Peserta Penjelasan dan kelakuan Orang Berdaftar, pekerja dan ejen Peserta Penjelasan;

[Rujuk Arahan 4-001]

- (b) mengenal pasti, memantau dan menguruskan konflik kepentingan dan risiko yang mungkin timbul dalam pengendalian urusan Peserta Penjelasan;

- (c) mencapai pematuhan Kaedah-kaedah ini dan Akta; dan

- (d) menyediakan perlindungan untuk Klien;

(dirujuk secara kolektif dalam Kaedah-kaedah ini sebagai "Dasar dan Prosedur").

- (2) Peserta Penjelasan mesti mempertimbangkan semua faktor yang berkaitan dalam menentukan kecukupan dan keberkesanan Dasar dan Prosedur termasuk:

- (a) saiz perniagaan Peserta Penjelasan;

- (b) kedudukan kewangan Peserta Penjelasan;

- (c) kepelbagai operasi;

- (d) jumlah, saiz dan kekerapan transaksi;

- (e) tahap risiko yang dikaitkan dengan setiap bidang operasi; dan

- (f) jumlah kawalan oleh pengurusan kanan Peserta Penjelasan terhadap operasi harian.

- (3) Peserta Penjelasan mesti mendokumenkan sewajarnya serta mengkaji semula dan mengemas kini Dasar dan Prosedur Peserta Penjelasan dengan tetap untuk mengambil kira apa-apa perubahan yang mungkin berlaku pada kehendak kawal selia.

- (4) Peserta Penjelasan mesti menyebarkan sewajarnya serta melaksanakan dan menguatkuasakan dengan berkesan, Dasar dan Prosedur dan apa-apa kemas kini pada Dasar dan Prosedur tersebut.
- (5) Peserta Penjelasan mesti menyenggarakan rekod dalaman berkenaan nama semua orang yang dilantik sebagai kakitangan penyeliaan dan orang yang diberi fungsi penyeliaan serta tarikh pelantikan itu berkuat kuasa atau pernah dikuatkuasakan.

**4.03 Rekod**

- (1) Peserta Penjelasan mesti menyimpan Rekod yang sewajarnya:
  - (a) untuk menerangkan secukupnya aktiviti Penjelasan Peserta Penjelasan;
  - (b) bagi membuktikan pematuhan terhadap kehendak dalam Kaedah-kaedah ini; dan
  - (c) apabila dikehendaki dengan nyatanya di bawah mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini.

[Rujuk Arahan 4-001]
- (2) Rekod yang ditetapkan di bawah Kaedah 4.03(1) mesti disenggarakan oleh Peserta Penjelasan untuk tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan di Malaysia atau jika undang-undang sedemikian tiada, untuk tempoh tidak kurang dari 7 tahun.

**4.04 Komunikasi dalam kalangan Peserta Penjelasan**

Peserta Penjelasan mesti segera menyebarkan Kaedah-kaedah ini dan kehendak yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dan Suruhanjaya kepada semua Orang Berdaftar dan pekerja yang berkaitan bagi Peserta Penjelasan.

**4.05 Pernyataan, maklumat dan Dokumen**

- (1) Peserta Penjelasan mesti mengemukakan, dalam suatu tempoh serta mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, apa-apa pernyataan, maklumat atau Dokumen sebagaimana yang diminta oleh Pusat Penjelasan.

[Rujuk Arahan 4-001]
- (2) Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar mesti memastikan bahawa apa-apa pernyataan, maklumat atau Dokumen yang dikemukakan kepada Pusat Penjelasan, sama ada sebelum atau selepas diterima masuk sebagai Peserta Penjelasan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Kaedah-kaedah ini mesti:
  - (a) terang, jelas dan tepat;
  - (b) tidak mengandungi apa-apa ketinggalan yang material; dan
  - (c) bukan palsu atau mengelirukan.
- (3) Jika apa-apa pernyataan, maklumat atau Dokumen yang diterima oleh Pusat Penjelasan daripada atau bagi pihak Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar melanggar kehendak dalam Kaedah 4.05(2), Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar yang berkaitan akan dipertanggungjawabkan terhadap pelanggaran tersebut walaupun jika pernyataan, maklumat atau Dokumen tersebut ditandatangani atau dikemukakan oleh orang selain Orang Berdaftar yang berkaitan.
- (4) Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar tidak melanggar Kaedah 4.05(2) di atas jika Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar boleh membuktikan bahawa:
  - (a) semua siasatan, yang munasabah dalam keadaan itu, telah dibuat; dan

- (b) selepas membuat siasatan tersebut, Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar yang berkaitan mempunyai alasan munasabah dan mempercayai bahawa sehingga waktu penyerahan, pengemukaan atau pendedahan pernyataan, maklumat atau Dokumen tersebut kepada Pusat Penjelasan, maka pernyataan, maklumat atau Dokumen tersebut sememangnya memenuhi kehendak Kaedah 4.05(2).
- (5) Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar mesti segera memberitahu Pusat Penjelasan jika Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar menyedari bahawa mana-mana pernyataan, maklumat atau Dokumen yang diberikan kepada Pusat Penjelasan mungkin tidak memenuhi kehendak dalam Kaedah 4.05(2).

**4.06 Penerimaan Margin semasa ketaksovenan atau selepas pembatalan lesen**

Peserta Penjelasan tidak boleh menerima apa-apa margin daripada Klien-kliennya semasa ketaksovenannya atau selepas Lesen Perkhidmatan Pasaran Modalnya dibatalkan atau digantung.

**4.07 Konflik kepentingan**

Peserta Penjelasan Am mesti mempunyai perkiraan yang mencukupi untuk menguruskan semua konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam menjalankan urusan Peserta Penjelasan Am.

**4.08 Pengiklanan dan publisiti**

Pengiklanan dan publisiti yang dibuat oleh Peserta Penjelasan Am tentang urusannya mesti:

- (a) tepat dan tidak mengelirukan atau kabur;
- (b) tidak mengandungi dakwaan yang tidak dapat ditentusahkan; dan
- (c) tidak menyebabkan Pusat Penjelasan atau Perbadanan yang Berhubungan dengan Pusat Penjelasan atau mana-mana Peserta Penjelasan lain mendapat nama buruk.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN B SUMBER**

**4.09 Kakitangan**

- (1) Peserta Penjelasan mesti menggaji atau mengambil bekerja Orang Berdaftar, pekerja dan ejen yang layak dan sesuai sahaja, yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian berkenaan dengan jawatan dan tanggungjawab yang mereka pegang.
- (2) Peserta Penjelasan mesti memastikan bahawa pekerja atau pengarah Peserta Penjelasan yang berdagang dalam Derivatif di Bursa atau Bursa Ditentukan bagi akaun sendiri memaklumkannya tentang dagangan itu secara bertulis atau secara elektronik dan selepas menerima pemberitahuan itu, Peserta Penjelasan mengambil langkah sewajarnya untuk menguruskan konflik kepentingan dan risiko, menurut Kaedah 4.02 dan Kaedah 5.06. Bagi tujuan Kaedah ini, akaun pengarah akan termasuk akaun yang pengarah itu mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung.

**4.10 Premis perniagaan**

- (1) Peserta Penjelasan mesti mempunyai premis perniagaan yang dilengkapi secukupnya dan sewajarnya bagi menjalankan urusan Peserta Penjelasan.
- (2) Peserta Penjelasan mesti mempunyai perkiraan keselamatan dan kecemasan yang cukup bagi membolehkan perniagaan beroperasi secara berterusan dengan gangguan yang minimum.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

- (3) Peserta Penjelasan tidak boleh menjalankan urusan Penjelasannya di mana-mana tempat selain tempat yang telah diluluskan secara bertulis oleh Pusat Penjelasan.

*[Rujuk Arahan 2.01(2)-002]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN C KLIEN**

**4.11 Maklumat Klien**

- (1) Sebelum Peserta Penjelasan Am menerima seseorang sebagai Klien, Peserta Penjelasan Am itu mesti:
- (a) mendapatkan semua maklumat penting tentang orang itu yang berkaitan dengan perkhidmatan yang akan disediakan;  
*[Rujuk Arahan No. 4-001]*
  - (b) mengesahkan identiti orang itu dan ketulenan permohonan untuk membuka akaun dengan Peserta Penjelasan; dan  
*[Rujuk Arahan No. 4-001]*
  - (c) mengikat perjanjian bertulis dengan orang tersebut.
- (2) Jika Klien mengatakan bahawa Klien bertindak bagi pihak orang lain, Peserta Penjelasan Am boleh mula bertindak untuk Klien hanya jika Peserta Penjelasan Am membawa kepada pengetahuan Klien itu tentang obligasi Klien di bawah Kaedah 4.13.

**4.12 Perjanjian dengan Klien**

Berhubung dengan perjanjian bertulis yang dirujuk dalam Kaedah 4.11(1)c, Peserta Penjelasan Am mesti memastikan bahawa perjanjian bertulis itu:

- (a) menyatakan terma dan syarat perkhidmatan yang akan disediakan oleh Peserta Penjelasan Am;
- (b) mengandungi obligasi Klien untuk mematuhi Kaedah-kaedah ini, sama ada Kaedah-kaedah ini terpakai secara langsung atau tidak langsung kepada Klien; dan
- (c) termasuk pelantikan oleh Klien bagi ketua pegawai eksekutif Pusat Penjelasan sebagai wakil atau ejen Klien untuk membuat semua perkara yang perlu untuk memindahkan apa-apa Kedudukan Terbuka yang dipegang oleh Peserta Penjelasan Am bagi pihak Klien kepada Peserta Penjelasan Am lain jika Penyertaan Peserta Penjelasan Am telah digantung atau ditamatkan.

**4.13 Pendedahan maklumat oleh Klien**

- (1) Jika diminta oleh Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan Am mesti menghendaki Klien mendedahkan atau mendapatkan (dan Klien itu mesti mendedahkan atau mendapatkan) maklumat dan dokumen yang berkaitan Kontrak Pasaran yang telah diikat berkenaan akaun Klien.
- (2) Maklumat yang dirujuk dalam Kaedah 4.13(1) termasuk maklumat sama ada apa-apa transaksi dalam akaun Klien dijalankan bagi pihak orang lain dan dalam keadaan tersebut, nama dan butiran yang mencukupi untuk mengenal pasti identiti pemilik muktamad Kontrak Pasaran itu.
- (3) Berhubung dengan permintaan yang dibuat di bawah Kaedah 4.13(1), Pusat Penjelasan boleh mengarahkan Peserta Penjelasan Am untuk tidak bertindak bagi mana-mana Klien sehingga maklumat dan dokumen yang diminta diberikan oleh Klien.

**4.14 Menjalankan perniagaan dengan Klien**

(1) Peserta Penjelasan Am mesti menyampaikan semua komunikasi dan dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal Klien terus kepada Klien melainkan Klien itu telah memberikan kebenaran secara bertulis untuk komunikasi dan dokumen tersebut dihantar kepada pihak ketiga.

(2) Peserta Penjelasan Am mesti bertanggungjawab terhadap dan melindungi secukupnya aset Klien atau bakal Klien.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

(3) Peserta Penjelasan Am mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Klien berhubung dengan penerimaan arahan daripada mana-mana orang bagi pihak Klien.

**4.15 Perlindungan maklumat Klien**

Peserta Penjelasan Am dan Orang Berdaftar tidak boleh mendedahkan maklumat Klien yang dimiliki oleh Peserta Penjelasan melainkan:

- (a) Klien memberikan kebenaran secara bertulis untuk pendedahan maklumat itu ;
- (b) undang-undang menghendaki pendedahan maklumat itu;
- (c) Pusat Penjelasan atau mana-mana badan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) menghendaki pendedahan maklumat itu;
- (d) maklumat itu sudah pun tersedia kepada awam; atau
- (e) maklumat itu adalah dalam bentuk ringkasan atau himpunan maklumat yang dinyatakan mengikut apa-apa cara yang tidak membolehkan maklumat berkaitan mana-mana Klien tertentu dipastikan daripada maklumat itu.

**4.16 Margin Klien dan pembayaran margin**

(1) Peserta Penjelasan Am mesti memperoleh margin daripada Kliennya.

(2) Peserta Penjelasan Am mesti memastikan bahawa Kliennya mengekalkan amaun margin minimum bagi semua Kedudukan Terbuka dan semua Kontrak Terbuka jika Penghantarserahan dan penerimaan Penghantarserahan telah dilaksanakan menurut Kaedah 8.02(c), dan margin ini adalah sekurang-kurangnya setara dengan amaun margin yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan.

(3) Peserta Penjelasan Am boleh menerima daripada Kliennya sebagai margin, tunai, surat kredit, jaminan bank, sekuriti yang diluluskan sebagai margin dan bentuk margin yang lain mengikut cara dan tertakluk kepada syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

(4) Kecuali Kontrak Pasaran yang mengurangkan obligasi margin Klien, Peserta Penjelasan Am mesti memastikan bahawa tidak ada Kontrak Pasaran baru diikat oleh Klien melainkan:

- (a) margin minimum bagi Kontrak Pasaran itu telah didepositkan atau akan diterima dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa selepas panggilan untuk margin dibuat oleh Peserta Penjelasan Am; dan
- (b) Kedudukan Terbuka Klien yang sedia ada mematuhi keperluan margin yang ditetapkan oleh Peserta Penjelasan Am.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

- (5) Jika Kontrak Pasaran baharu dibuat oleh Klien atas apa jua sebab walaupun terdapat Kaedah 4.16(4), Peserta Penjelasan Am mesti menjelaskan dan menyelesaikan semua Kontrak Terbuka yang timbul daripada Kontrak Pasaran itu.
- (6) Peserta Penjelasan Am boleh menutup semua atau mana-mana Kedudukan Terbuka Klien jika Klien itu gagal mematuhi tuntutan untuk margin selepas panggilan margin dibuat oleh Pusat Penjelasan.

**4.17 Aduan oleh Klien**

Peserta Penjelasan Am mesti menangani aduan daripada Klien (sama ada bertulis atau selainnya) berhubung dengan urusan Peserta Penjelasan Am mengikut cara yang sesuai dan tepat pada masanya.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

**4.18 Penyata kepada Klien**

- (1) Peserta Penjelasan Am mesti mengesahkan secara bertulis kepada setiap Klien semua transaksi yang dibuat untuk Klien tidak lewat dari Hari Berurus Niaga yang berikutnya.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

- (2) Peserta Penjelasan Am mesti menyediakan penyata bulanan kepada setiap Klien.

*[Rujuk Arahan 4-001]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN D PENYUMBERLUARAN**

**4.19 Penyumberluaran oleh Peserta Penjelasan Am**

- (1) Peserta Penjelasan Am yang menyumberluarkan fungsi Penjelasannya kepada Penyedia Perkhidmatan mesti mematuhi kehendak yang berikut:
  - (a) Kaedah-kaedah ini; dan
  - (b) Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
- (2) Peserta Penjelasan Am mesti memastikan bahawa Penyedia Perkhidmatan mematuhi Kaedah-kaedah dan arahan yang terpakai kepada fungsi yang disumberluarkan itu dengan cara yang sama seperti yang perlu dilakukan oleh Peserta Penjelasan Am.
- (3) Peserta Penjelasan Am tetap bertanggungjawab terhadap semua fungsi Penjelasan yang disumberluarkan dan akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan di pihak Penyedia Perkhidmatan yang menyebabkan pelanggaran Kaedah-kaedah ini.
- (4) Kehendak dalam Kaedah 4.19 ini tidak terpakai kepada Bank Peserta Penjelasan.

**4.20 Penyumberluaran oleh Peserta Penjelasan Langsung**

- (1) Peserta Penjelasan Langsung yang menyumberluarkan fungsi Penjelasannya kepada Penyedia Perkhidmatan mesti mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Kaedah 4.20 ini.
- (2) Peserta Penjelasan Langsung mesti memastikan pematuhan oleh Penyedia Perkhidmatan terhadap semua kehendak berkaitan yang ditetapkan dalam mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini dan apa-apa perjanjian antara Peserta Penjelasan Langsung dengan Pusat Penjelasan.
- (3) Peserta Penjelasan Langsung tetap bertanggungjawab terhadap semua fungsi Penjelasan yang disumberluarkan dan akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan di pihak Penyedia Perkhidmatan yang menyebabkan pelanggaran Kaedah-kaedah ini.
- (4) Peserta Penjelasan Langsung mesti menyediakan polisi insurans untuk melindunginya daripada apa-apa liabiliti, kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Penyedia Perkhidmatan dalam melaksanakan fungsi Penjelasan tersebut.
- (5) Peserta Penjelasan Langsung mesti memastikan bahawa Pusat Penjelasan atau ejennya mempunyai akses kepada dan dibenarkan membuat salinan Buku Peserta Penjelasan Langsung atau Penyedia Perkhidmatan pada setiap masa.
- (6) Peserta Penjelasan Langsung mesti mendapatkan kebenaran bertulis melalui surat aku janji daripada Penyedia Perkhidmatan untuk memberikan Pusat Penjelasan atau ejennya menggunakan kuasanya seperti yang dinyatakan dalam Kaedah 4.20(5) di atas.
- (7) Peserta Penjelasan Langsung mesti memberitahu Pusat Penjelasan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penandatanganan perjanjian berkaitan yang menetapkan terma dan syarat perkiraan penyumberluaran, termasuk jika berkenaan, perjanjian yang menetapkan terma dan syarat untuk memberikan subkontrak fungsi Penjelasannya kepada Penyedia Perkhidmatan yang lain (“perjanjian tahap perkhidmatan yang berkaitan”).
- (8) Peserta Penjelasan Langsung mesti, berhubung dengan penyumberluaran fungsi Penjelasannya, memberitahu Pusat Penjelasan tentang:
  - (a) penamatan atau perubahan perjanjian tahap perkhidmatan yang berkaitan; atau

- (b) apa-apa perkembangan memudaratkan yang timbul daripada atau berhubung dengan perkiraan penyumberluaran yang boleh menjaskan Peserta Penjelasan Langsung dengan ketara;

dalam tempoh 2 minggu dari berlakunya kejadian itu.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN E PEMBIAYAAN**

**4.21 Pembiayaan kepada Perbadanan yang Berhubungan**

Tertakluk kepada apa-apa sekatan atau larangan di bawah mana-mana undang-undang, Peserta Penjelasan boleh memberikan pembiayaan kepada mana-mana Perbadanan yang Berhubungan dengan Peserta Penjelasan jika:

- (a) Peserta Penjelasan melaksanakan dasar dan prosedur untuk mengawal dan menguruskan pendedahan risiko apabila menjalankan aktiviti pembiayaan tersebut;
- (b) Peserta Penjelasan menguruskan apa-apa konflik kepentingan yang mungkin timbul antara Peserta Penjelasan dengan Perbadanan yang Berhubungan dengannya, yang mana kepentingan Peserta Penjelasan mesti sentiasa mengatasi yang lain; dan
- (c) Peserta Penjelasan telah memastikan bahawa polisi dan prosedurnya yang mengawal aktiviti pembiayaan tersebut:
  - (i) disokong oleh lembaga pengarah Peserta Penjelasan;
  - (ii) termasuk kuasa dan had bagi pemberian pembiayaan kepada Perbadanan yang Berhubungan; dan
  - (iii) melarang mana-mana individu daripada menggunakan kuasa yang menolak penyediaan pembiayaan kepada Perbadanan yang Berhubungan.

**4.22 Ketidakpakaian Kaedah 4.21**

Kaedah 4.21 tidak terpakai kepada Bank Peserta Penjelasan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN F TRANSAKSI LUAR KUNCI KIRA-KIRA**

**4.23 Bank Pelaburan**

Semua peruntukan dalam Bahagian F Bab 4 ini tidak terpakai kepada Peserta Penjelasan yang merupakan Bank Pelaburan.

**4.24 Rekod transaksi Luar Kunci Kira-kira**

Peserta Penjelasan mesti menyenggarakan Rekod yang menerangkan secukupnya transaksi Luar Kunci Kira-kira yang dimasukkannya.

**4.25 Pelaporan transaksi Luar Kunci Kira-kira**

Peserta Penjelasan mesti mengemukakan kepada Pusat Penjelasan laporan bulanan tentang transaksi Luar Kunci Kira-kira dalam bentuk seperti yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

*[Rujuk Arahan No. 4-002]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN G PERTIKAIAN**

**4.26 Pertikaian**

Bagi pertikaian yang timbul daripada atau berhubung dengan Kontrak Terbuka, perkara yang berikut terpakai:

- (a) Jika pertikaian timbul daripada atau berhubung dengan penghantarserahan fizikal menurut Kontrak Terbuka, maka pihak dalam pertikaian itu mesti menyelesaikan pertikaian melalui timbang tara;
- (b) Bagi pertikaian selain yang dinyatakan dalam Kaedah 4.26(a), jika mana-mana satu atau lebih pihak dalam pertikaian itu memilih untuk menyelesaikan pertikaian melalui timbang tara, pihak yang satu lagi dalam pertikaian itu mesti berserah kepada timbang tara tersebut; dan
- (c) Jika semua pihak tidak dapat mencapai persetujuan tentang forum timbang tara bagi menyelesaikan pertikaian di bawah Kaedah 4.26(a) atau (b), maka semua pihak tersebut mesti menyelesaikan pertikaian itu melalui timbang tara di hadapan forum timbang tara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

[Rujuk Arahan No. 4.26-001]

**4.27 Timbang tara dan award timbang tara mengikat Klien Peserta Penjelasan**

Peserta Penjelasan mesti mendorong Kliennya untuk bersetuju bahawa, berhubung dengan pertikaian yang dirujuk dalam Kaedah 4.26:

- (a) Klien mesti berserah kepada timbang tara; dan
- (b) Klien mematuhi Kaedah 4.28.

**4.28 Award timbang tara**

- (1) Award timbang tara adalah muktamad dan mengikat semua pihak dalam pertikaian.
- (2) Semua pihak dalam pertikaian mesti menanggung kos dan fi bagi timbang tara menurut award timbang tara.
- (3) Semua pihak dalam pertikaian mesti memberitahu Pusat Penjelasan tentang:
  - (a) apa-apa permintaan yang dibuat supaya pertikaian ditimbang tara; dan
  - (b) hasil timbang tara tersebut.
- (4) Pusat Penjelasan tidak akan bertanggungan terhadap mana-mana pihak bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan berhubung dengan mana-mana timbang tara.

[Bab Tamat]